



## Ponggal UPM Berteraskan 1 Malaysia



A. Saktivel (tengah) memecahkan belanga ketika merasmikan Danau Ponggal UPM 2010 sambil diperhatikan pelajar berbilang kaum.

**SERDANG, 17 Jan** – Lebih 1,000 pelajar pelbagai kaum Universiti Putra Malaysia (UPM) berhimpun di Bukit Ekspo, UPM untuk sama-sama meraikan perayaan kaum India, Hari Ponggal yang bertemakan konsep 1 Malaysia.

Pengarah Program Danau Ponggal 2010, Sivasangar Seenivasagam berkata konsep 1 Malaysia dipilih sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengharapkan perpaduan sesama masyarakat pelbagai kaum dapat dipelihara.

“Persatuan Hindu UPM ingin cuba menampilkan kelainan pada penganjuran tahun ini dengan menggalakkan penyertaan daripada kaum selain India untuk memberi peluang kepada semua kaum agar dapat mengenali dengan lebih dekat budaya tradisi kaum India,” katanya pada majlis perasmian Danau Ponggal UPM 2010 di sini.



Pelajar UPM yang terdiri daripada semua kaum mengambil kesempatan mempelajari teknik memasak ponggal di Bukit Ekspo, UPM.

Sementara itu, ahli Majlis Tertinggi MIC Kebangsaan yang juga Ketua MIC Bahagian Puchong, A. Saktivel berkata penganjuran Hari Ponggal secara besar-besaran dan meriah seperti itu boleh dianjurkan bersama oleh Kementerian Pelancongan Malaysia untuk menarik minat pelancong asing.

Exco Persatuan Hindu, Deenarechahi A/P Maran berkata hari Ponggal yang bersamaan dengan hari menuai disambut pada bulan pertama kalendar Tamil akan diraikan selama empat hari berturut-turut dengan pelbagai sambutan tradisional.

“Pada hari pertama semua penganut Hindu akan mengamalkan mandi minyak bijan bagi

memohon kehidupan yang lebih baik," katanya.



*Sebahagian pelajar UPM pelbagai kaum yang turut sama menyertai sambutan Danau Ponggal UPM.*

Pada hari pertama Ponggal juga penganut Hindu akan membakar barang-barang yang tidak digunakan lagi. Manakala pada hari kedua mereka akan memasak beras bersama susu lembu untuk dipersembahkan kepada dewa matahari.

Penasihat Persatuan Hindu, UPM Dr. Paramasivam Muthusamy berkata hari ketiga merupakan sambutan untuk lembu yang banyak membantu di sawah dan rumah dengan menghiasi lembu tersebut dengan hiasan yang cantik dan diberikan manisan.

"Pada hari terakhir, anak gadis yang belum berkahwin akan memasak ponggal untuk dimakan bersama ahli keluarga," katanya.

Sambutan Danau Ponggal tersebut yang dianjurkan oleh Persatuan Hindu UPM turut mengadakan aktiviti lain seperti pertunjukan silambam, pertandingan tarian tradisional, memasak ponggal, hiasan kolam, mengikat *'thoranam'*, iaitu hiasan daun mangga pada *'panthal'* (khemah berhias) dan tarik tali.



*Persembahan Silambam Malaysia dari Kuala Langat.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013). Maklumat lanjut sila hubungi Sivasangar Seenivasagam (012-7833185)**